



LEMBAGA PELABUHAN KELANG

NOTIS BIL. 5/2016

MAKLUMAN PENANGGUHAN MODUL VGM PORT KLANG NET DAN PELAKSANAAN PELAN KONTIGENSI BAGI SOLAS VGM DI PELABUHAN KLANG MULAI 1 HINGGA 17 JULAI 2016

1. Notis Bil. 2/2016 berkenaan Pelaksanaan SOLAS VGM Mulai 1 Julai 2016 dan Penggunaan Sistem Port Klang Net Bagi Penyaluran VGM di Pelabuhan Klang bertarikh 27 Jun 2016 dan Notis Bil. 4/2016 berkenaan Pengisytiharan Berat Tanpa Muatan (BTM) Prime Mover dan Treler Di Dalam Sistem Port Klang Net Selaras Dengan Pelaksanaan SOLAS VGM Mulai 1 Julai 2016 bertarikh 28 Jun 2016 adalah dirujuk.
2. Berdasarkan kepada pelaksanaan *Pilot Run* yang telah bermula pada 15 hingga 30 Jun 2016 yang lalu, didapati Sistem Port Klang Net telah mengalami beberapa masalah teknikal yang telah menjejaskan penyaluran transaksi. Oleh itu, demi memastikan operasi pelabuhan tidak terganggu, Lembaga Pelabuhan Kelang telah menangguhkan penggunaan Modul VGM melalui Sistem Port Klang Net sehingga penambahbaikan dibuat ke atas sistem tersebut.
3. Sebagai langkah kontigensi, semua kontena eksport (100%) yang masuk ke pelabuhan diwajibkan untuk membuat timbangan di get **Mulai 1 Julai 2016; jam 00:00 hingga 17 Julai 2016; jam 23:59** (bagi mendapatkan VGM kontena tersebut) sebelum dihantar ke yad kontena.
4. Pihak terminal pelabuhan akan menyalurkan maklumat VGM yang mengandungi 4 elemen (Booking Ref. No., Container No., VGM & Unit Measurement) melalui mesej CODECO kepada syarikat-syarikat perkapalan.
5. Bagi syarikat haulier pula, pengisytiharan awal Berat Tanpa Muatan (BTM) bagi semua Prime Mover dan Treler di dalam Sistem Port Klang Net akan **dilanjutkan sehingga 10 Julai 2016**. Semua syarikat haulier diwajibkan untuk memastikan semua Prime Mover dan Treler telah didaftarkan sebelum tarikh tersebut untuk mengelak daripada kontena tidak dibenarkan masuk ke kawasan pelabuhan.
6. Semua kontena yang telah berada di yad kontena **Sebelum 1 Julai 2016; jam 00:00** tanpa maklumat VGM, adalah dibenarkan untuk dimuat naik ke atas kapal **Selepas 1 Julai 2016; jam 00:00** bagi mengelakkan kesesakan di yad kontena pelabuhan akibat daripada pembatalan pemuatan.
7. Kajian semula dan penambahbaikan ke atas Modul VGM akan dibuat dalam tempoh berkenaan. Sebarang perkembangan terkini akan dimaklumkan dari masa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

Kapt. K. Subramaniam

Penolong Pengurus Besar (Operasi dan Kawalselia)

b.p. Pengurus Besar

Lembaga Pelabuhan Kelang

30 Jun 2016